

Setiap kali ternampak van putih melintas di depan rumahnya di Taman Cahaya Masai di sini, jantung Rahayah Bul, 42, berdegup kencang dan badannya menggigil berikutan kejadian anak perempuannya yang berusia sembilan tahun cuba diculik seorang lelaki menaiki kenderaan seperti itu, Sabtu lalu.

Rahayah berkata, sehingga kini dia tidak dapat melupakan detik cemas anak tunggalnya, Nur Ainna Haili dicekik dan diacu pisau pada leher oleh penjenayah yang mahu mencuri Perodua Myvi anak saudaranya.

Menurutnya, sejak heboh dengan kejadian van putih menculik kanak-kanak, dia sentiasa berjaga-jaga dan tidak jemu berpesan kepada pengasuh supaya tidak membenarkan anaknya bermain di luar rumah ketika dia bekerja.

Bagaimanapun, dalam kejadian jam 2 petang itu, dia tidak menyangka lelaki memandu van putih bertulis 'Majlis Perbandaran Pasir Gudang' (MPPG), cuba menculik anaknya yang dipanggil Ain, di depan matanya.

"Sejak kejadian itu saya jadi macam orang tak betul. Tak boleh nampak van putih, tak boleh nampak orang tak kenal. Saya jadi trauma dan menggigil.

"Saya cuba menguatkan semangat dan lebih berhati-hati ketika keluar rumah bersama anak," katanya yang ditemui di rumahnya, semalam.

Menceritakan detik cemas itu, Rahayah berkata, dia berada dalam garaj bersama adik ipar di depan rumah bapa mereka yang berdekatan manakala Ain bermain dengan sepupunya di depan garaj.

Katanya, dia nampak van putih MPPG itu lalu di depan



RAHAYAH mencium anaknya yang nyaris dilarikan seorang lelaki, Sabtu lalu.

"Sejak kejadian itu saya jadi macam orang tak betul"
Rahayah Bul

Culik depan mata ibu

■ Pemandu van putih acu pisau pada leher budak ugut wanita serah kereta

garaj dengan pemandunya seperti meninjau kawasan sekitar, namun dia tidak curiga kerana menyangka lelaki itu pekerja MPPG yang sedang bertugas.

Bagaimanapun, van itu melintas lagi buat kali kedua dan berhenti sebelum pemandunya bertanyakan mengenai Perodua Myvi milik anak saudaranya yang berada di depan garaj tempat Ain yang ketika itu sedang bermain.

Menurut Rahayah, mungkin kerana tidak dilayan, lelaki berusia 30-an itu keluar dari van dan membuka pintu belakang van sebelum menarik Ain dan menjerit me-

minta kunci kereta.

"Saya berlari keluar dari garaj apabila Ain menjerit meminta tolong. Lelaki itu mengarahkan saya serahkan kunci kereta sambil mengugut akan melakukan sesuatu terhadap Ain jika ingkar," katanya.

Rahayah mengambil kunci Myvi berkenaan dan mencampaknya ke atas jalan. Ketika lelaki itu tunduk untuk mengambil kunci berkenaan, dia menarik tangan Ain menyebabkan anaknya itu terlepas daripada dakapan suspek.

"Menyedari saya menyelamatkan Ain, lelaki itu terus masuk ke dalam van dan

memecut sebelum saya menjerit meminta tolong daripada jiran yang kemudian mengejar van berkenaan," katanya.

Suspek dikejar jiran dengan motosikal selama lebih sejam hingga ke kawasan Taman Megah Ria sejauh 15 kilometer sebelum lelaki itu menyerah diri selepas vannya dikepung penduduk yang berang. Dia diserahkan kepada polis yang tiba di tempat kejadian beberapa minit kemudian.

Akibat kejadian itu, Ain luka di dagu terkena pisau lipat suspek dan perlu menghadiri sesi kaunseling di Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini,

KRONOLOGI CULIK MEMBABITKAN VAN PUTIH

30 Ogos 2014

Georgetown: Dua murid tahun tiga Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Lanchang, di sini, mendakwa diculik tiga lelaki, menaiki van putih di hadapan sekolah itu.

Bagaimanapun mangsa Fatin Nabihah Rashid, 9; dan rakannya, Arissa Batrisya Mohd Azmy, 9, berjaya melepaskan diri dengan mengigit tangan penjenayah terbabit.

16 Julai 2014

Johor Bahru: Seorang murid tahun satu mendakwa cuba dilarikan dua lelaki menaiki van putih di depan sekolahnya di Taman Mutiara Rini, Nusajaya, Johor, sebaik selesai sesi persekolahan.

Mangsa bagaimanapun sempat menyelamatkan diri ke dalam kawasan sekolah dan memaklumkan kepada guru.

14 Julai 2014

Ampang: Tindakan berani seorang pelajar tahun lima menarik tangan adik perempuan dan sepupu lelakinya berjaya mematahkan cubaan culik menggunakan sebuah van putih di Kampung Melayu Ampang Tambahan.

Dalam kejadian jam 2.30 petang itu, kanak-kanak perempuan berusia lima tahun dan sepupu lelakinya berusia sembilan tahun cuba dilarikan sekumpulan tiga penjenayah ketika mangsa bermain badminton di kawasan berkenaan.

12 Julai 2014

Parit Buntar: Seorang kanak-kanak lelaki 12 tahun, yang baru selesai menunaikan solat Tarawih di Masjid Permatang Tok Mahat didakwa cuba dilarikan dua lelaki menaiki van putih yang sebelum itu bertanya arah ke hospital.

Mangsa, Mohd Syafiq Nor berkata, selepas terpedaya dengan lelaki berkenaan, dia meletakkan basikal di kawasan masjid sebelum membonceng motosikal lelaki berkenaan untuk menunjukkan arah.

9 Julai 2014

Johor Bahru: Seorang kanak-kanak berusia tujuh tahun hampir menjadi mangsa culik apabila diperdaya kumpulan penculik kononnya bapa kepada murid sekolah agama di Permas Jaya itu ada di dalam sebuah van putih.

Bapa mangsa Abdul Halim, 30, itu berkata, anak lelakinya itu bernasib baik apabila sempat menjenguk ke dalam van sebelum melarikan diri ke kawasan sekolah apabila mendapati dia tiada di dalam van berkenaan.

7 Jun 2013

Chenderoh: Seorang remaja perempuan berusia 14 tahun sempat melarikan diri daripada diculik seorang lelaki yang menaiki van putih dengan nombor pendaftaran Thailand, di Kampung Temong Hulu. Ketika kejadian, van berkenaan dikatakan berhenti di depan mangsa sebelum seorang lelaki turun dan mengejanya namun gagal menahan remaja berkenaan.

kerana trauma.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Seri Alam Superintendan Abdul Samad Salleh mengesahkan menerima laporan kejadian dan menurutnya, suspek sudah ditahan.

"Siasatan lanjut masih dijalankan mengikut Seksyen 379A/511 Kanun Keseksan kerana mencuri serta Seksyen 363 kanun sama kerana

melarikan kanak-kanak.

"Suspek ditahan reman lima hari sejak tarikh dia ditangkap dan siasatan awal mendapati lelaki terbabit positif dadah," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, polis turut menerima laporan mengenai kehilangan van milik MPPG yang digunakan suspek di Tanjung Langsat pada hari kejadian.